

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

Jangan pinggirkan penghidap HIV/AIDS  
02 Dec 2010  
Kosmo  
Negara  
N/A  
Daily  
115,967 / 406,000

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue  
Malay  
14  
268 cm<sup>2</sup>  
Full Color  
2,330  
6,990



AIDA ROHANA (kiri) memberi penerangan mengenai HIV dan AIDS kepada penghuni Rumah Sinar Salam sempena Hari AIDS Sedunia di Kuala Lumpur semalam.

# Jangan pinggirkan penghidap HIV/AIDS

Oleh MOHD. ALIF ABU BAKAR  
berita@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** – Sempena sambutan Hari AIDS Sedunia semalam, Rumah Sinar Salam di Jalan Chow Kit di sini mengadakan pemeriksaan HIV dan sesi kaunseling percuma penghidap HIV/AIDS termasuk penghuninya.

Seramai 40 pesakit HIV dan AIDS yang hidup merempat dihimpunkan pada satu majlis ringkas dan turut disertai sukarelawan daripada pelbagai agensi.

Menurut Presiden Rumah Sinar Salam, Arfidah Abdul Latif, program itu merupakan alternatif bagi meringankan beban golongan yang kurang bernasib baik tersebut.

“Kami mungkin tidak dapat membantu sepenuhnya agar mereka kembali pulih tetapi dengan pendedahan tentang HIV ini, sedikit sebanyak dapat menyedarkan mereka tentang bahaya virus ini,” katanya.

Pada majlis tersebut, penghuni yang terdiri daripada pelbagai peringkat

## Info Rumah Sinar Salam

- Mula beroperasi 4 Disember 2007
  - Bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
  - Golongan sasaran:
    - 1) Ibu dan anak penagih dadah
    - 2) Ibu dan anak pekerja seks
    - 3) Pesakit HIV/AIDS (Bayi)
    - 4) Ibu mengandung (terlanjur) dan anak HIV/AIDS
    - 5) Mak nyah (krisis identiti)
    - 6) Masyarakat terbiar/tidak berumah
    - 7) Kanak-kanak mangsa keganasan rumah tangga
    - 8) Ibu tunggal
- Laman sesawang: [www.sinarsalam.org](http://www.sinarsalam.org)  
Nombor telefon: 03-40451620

umur bermula dua hingga 70 tahun menjalani pemeriksaan darah menggunakan alat pengesan HIV, H-Kit.

Alat H-Kit yang diilhamkan oleh Twinscan Holdings Sdn. Bhd. dengan kerjasama NewScen Coast Bio-Pharmaceutical Co. Ltd. bertindak sebagai pengesan HIV yang mampu memberikan keputusan cepat dan boleh dilakukan sendiri di rumah.

Rumah Sinar Salam yang mula beroperasi pada Disember 2007 kini mempunyai 25 penghuni yang menjalani program pemulihan.

Sementara itu, Perunding Psikologi Twinscan, Aida Rohana Ismail berkata, pen-

ting buat masyarakat memberi sokongan kepada pesakit HIV memandangkan segelintir pesakit tidak dapat menerima kenyataan mereka menghidapnya.

Katanya, masyarakat perlu membuang tanggapan negatif terhadap pesakit HIV/AIDS.

“Ada antara mereka dijangkiti HIV kerana dilahirkan oleh ibu yang membawa virus tersebut.

“Mereka tidak bersalah tetapi kerana masyarakat memandang jijik golongan seperti ini, mereka tiada pilihan selain mengasingkan diri dan kemudiannya terjerumus ke dalam masalah lain,” jelasnya.